


PLKN dan Pembinaan Jati Diri



Oleh NAZRI MUZLIM

Sejak hari pertama PLKN menerima pelatihnya lagi, beberapa isu berkaitan pelaksanaan program itu ditimbulkan. Daripada 'ketidakcekapan' pengurusan jadual perjalanan peserta, kegagalan sebilangan pelatih mendaftar dan seterusnya mengikut program yang berkenaan, sehinggalah kepada kegagalan sebilangan jurulatih mendapat kemudahan yang dijanjikan, diberikan liputan yang agak meluas oleh media.

Namun, insiden di luar jangkaan yang berlaku juga semasa program ini berlangsung, lebih mendapat perhatian ramai. Antara yang menggemparkan ialah dakwaan rogol oleh jurulatih ke atas pelatih PLKN di Terengganu, dan kematian dua orang pelatih PLKN di Sarawak dan Kelantan, selain pergaduhan antara pelatih di beberapa buah kem latihan.

Tujuan murni PLKN, sebagaimana yang dihuraikan oleh makalah ini nampaknya digerhanakan oleh laporan media tentang hal-hal yang 'tidak berkaitan' dengan falsafah PLKN itu ...

BERMULA 16 Februari 2004, seramai 25 ribu remaja yang berumur 18 tahun buat julung kalinya menjalani Program Latihan Khidmat Negara (PLKN). Ini adalah sebahagian daripada 85 ribu remaja yang dipilih secara rawak

diwajibkan mengikuti PLKN. Mereka ini akan ditempatkan di 42 buah kem di seluruh negara. Menurut salah seorang peserta yang terpilih seperti yang disiarkan oleh media massa, beliau tidak gusar dan bimbang menjalani PLKN kerana ia

sesuatu yang baik untuk remaja.

Jika dibuat perbandingan dengan konsep khidmat negara di luar negara, ternyata PLKN berbeza dan unik. Sebagai contoh, pelaksanaan khidmat negara yang dijalankan di Negara Thai, Singapura

Dalam komponen pertama, peserta melalui proses penerokaan diri sendiri, menyedari dan mengenal pasti ciri-ciri diri, memperkayakan kekuatan dan memulihkan kelemahan diri.



Peserta PLKN dilatih secara teori dan praktikal melalui aktiviti seperti pertahanan diri, kebajikan, sosial, dan lain-lain.

mahupun Amerika Syarikat, lebih bertujuan ketenteraan. Berlainan dengan PLKN, ia unik kerana melibatkan semua kaum sama ada lelaki atau perempuan, berteraskan rukun negara, mempunyai kurikulum multi-disiplin, bukan berbentuk kerahan tenaga dan mempunyai imej tersendiri dari segi pakaian seragam, logo, dan lagu.

Seperti yang dinyatakan oleh Jabatan Latihan Khidmat Negara, PLKN bertujuan untuk membina generasi muda yang bersemangat patriotik, mengeratkan perpaduan masyarakat Malaysia, menimbulkan keprihatinan dan kesukarelaan, melahirkan generasi muda yang cergas, cerdas, penuh keyakinan diri dan membentuk perwatakan positif di kalangan generasi muda menerusi penerapan nilai-nilai murni. Pendekatan yang digunakan dalam menjayakan PLKN ialah dilaksanakan secara berkhemah dan berasrama, direka supaya menjadi sesuatu yang menyeronokkan, berfaedah dan akan menjadi kenangan sepanjang masa, tiada aktiviti bersifat penderaan, proses pembelajaran yang menarik minat serta berbentuk *experimental learning* (belajar secara amali) dan mengutamakan semangat muhibah dalam semua aktiviti yang dijalankan.

PLKN ini mengambil masa selama tiga bulan yang meliputi empat modul utama iaitu Modul Fizikal, Modul Kenegaraan, Modul Pembinaan Karakter dan Modul Khidmat Komuniti. Modul Fizikal dijalankan selama sebulan di kem-kem

yang ditetapkan dan bulan berikutnya, peserta PLKN akan ditempatkan di IPTA yang terbabit bagi mengikuti Modul Kenegaraan, Modul Pembinaan Karakter, dan Modul khidmat Komuniti.

Apabila meneliti empat bentuk modul yang disampaikan kepada peserta, terbukti program ini mampu membentuk jati diri remaja. Sebagai contoh, Modul Fizikal dirangka untuk membina kemahiran dan ketahanan mental, emosi, spiritual dan fizikal bagi melahirkan warganegara yang berkesan. Melalui latihan-latihan yang diberikan, ia dapat mengeratkan perpaduan di kalangan peserta, mempertingkatkan ketabahan mental bagi tujuan hidup, daya kepimpinan, disiplin dalaman, keyakinan diri, kemahiran bekerja sebagai ahli satu pasukan, kemahiran menyelesaikan masalah, membuat keputusan secara individu dan berkumpul.

Pada masa yang sama, peserta akan dilatih oleh para jurulatih secara teori dan praktikal melalui aktiviti-aktiviti seperti kawat, kraf hutan, pertolongan cemas, membaca peta, kompas, latihan pandu arah, menyeberangi sungai, merempuh halangan, aktiviti menggunakan tali, merentas desa, seni mempertahankan diri, aktiviti air, kembara hutan dan lain-lain.

Menyentuh Modul Kenegaraan pula, ia bertujuan untuk memperluaskan pengetahuan tentang kenegaraan (*nation-building*) dan meningkatkan perasaan cinta serta pengorbanan kepada negara. Penyampaian dibuat secara latihan dalam kumpulan (LDK) iaitu jurulatih akan

memimpin kumpulan untuk mempelajari tentang kenegaraan yang merangkumi tanah air, rakyat, kerajaan dan kedaulatan serta cabaran-cabaran dalam dan luar negara.

Melalui elemen Tanah Air, peserta akan dibantu membina serta memupuk rasa sayang kepada tanah air dan sanggup mempertahankannya. Peserta berbincang tentang negara dari segi aspek geografi, keindahan bumi ini, hasilnya, sempadan, dan lain-lain. Peserta dapat mengetahui asal usul pelbagai ras, etnik, membina rasa sayang sesama etnik dan, antara etnik, memahami kepentingan bersatu-padu melalui aktiviti seperti menganalisis fakta tentang etnik, mengharmonikan perbezaan, memahami persamaan, dan sebagainya melalui elemen Rakyat.

Elemen Kerajaan pula membantu peserta memahami bagaimana negara (tanah air, rakyat, kedaulatan) ini ditadbir dan diurus, melalui sistem pentadbiran, undang-undang, perlembagaan, dan lain-lain. Peserta memahami kepentingan dan cara untuk mempertahankan kebebasan negara melalui elemen Kedaulatan. Cabaran dari dalam dan luar negara juga diperbincangkan supaya peserta menyedari peluang dan ancaman yang datang secara berterusan.

Bagi Modul Pembinaan Karakter, ia bermatlamat untuk membina karakter yang berkesan merangkumi diri, keluarga, komuniti, dan negara.

Terdapat dua komponen yang akan dilalui peserta. Pertama berfokus kepada



Remaja yang mengikuti program ini akan mampu membentuk sebuah masyarakat yang berdisiplin, bersemangat waja, berkeyakinan tinggi, setia kepada negara, sentiasa bersedia menghadapi sebarang cabaran dan dugaan serta menerapkan nilai kerjasama dan perpaduan di kalangan rakyat.

pembinaan diri dan kedua penekanan mengenai diri dengan orang lain. Dalam komponen pertama, peserta melalui proses penerokaan diri sendiri, menyedari dan mengenal pasti ciri-ciri diri, memperkayakan kekuatan dan memulihkan kelemahan diri. Peserta menyedari tentang penglibatan orang lain dalam kehidupan mereka, mengetahui kemahiran untuk bekerja sebagai ahli satu pasukan, cara bertindak sebagai pemimpin dalam kumpulan, dan mengatasi masalah dalam kumpulan semasa melalui komponen kedua modul ini.

Kedua-dua komponen ini akan menjadikan pelajar menghayati tentang kejujuran, membuat pilihan, bertanggungjawab, memimpin, menunaikan janji (komitmen) dan membina keyakinan diri.

Seterusnya, Modul Khidmat Komuniti ke arah untuk mempertingkatkan semangat sukarelaan di kalangan peserta. Para peserta akan didedahkan mengenai konsep kejurangan, perkhidmatan sosial, alam sekitar dan kemudahan awam. Aktiviti sukarela yang dijalankan seperti mengkaji keadaan di lokasi tema-tema tersebut, mengenal pasti masalah yang

ada, memberi cadangan, membuat kerja pembaikan, pembersihan, penceriaan, pengindahan, dan lain-lain.

Bagi tema kejurangan, perkhidmatan sukarela dilaksanakan untuk keluarga atau penduduk di kawasan perumahan, kampung, ladang, rumah panjang, rumah pangsa, kampung orang asli, FELDA, dan lain-lain. Sumbangan kerja sukarela dalam perkhidmatan sosial meliputi aspek kesihatan, pendidikan, kebajikan, perumahan, dan sebagainya dalam organisasi, institusi, pertubuhan kerajaan ataupun badan bukan kerajaan.

Bagi alam sekitar pula, peserta membantu memulihara alam sekitar termasuklah hutan, sungai, kawasan pertanian, penternakan, perindustrian, pantai, dan sebagainya. Kerja sukarela juga dilakukan ke atas kemudahan awam yang disediakan seperti taman rekreasi, pasar, stesen bas, kereta api, perpustakaan, lif, taman permainan, tandas awam, pondok telefon, dewan orang ramai, dan lain-lain.

Berdasarkan empat modul yang diterapkan melalui PLKN ini, secara langsung atau tidak langsung, ia mampu membina jati diri remaja Malaysia dalam menghadapi cabaran globalisasi dan

mengatasi masalah sosial yang semakin meruncing sekarang. Sebagaimana yang diharapkan, remaja yang mengikuti program ini akan mampu membentuk sebuah masyarakat yang berdisiplin, bersemangat waja, berkeyakinan tinggi, setia kepada negara, sentiasa bersedia menghadapi sebarang cabaran dan dugaan serta menerapkan nilai kerjasama dan perpaduan di kalangan rakyat.

PLKN juga menghadapi permasalahan kerana ia pertama kali diadakan. Permasalahan seperti ketidaksediaan dalam menjalankan PLKN, ketiadaan unsur-unsur kerohanian, kebimbangan ibu bapa dan lain-lain, seharusnya tidak mencatat keseluruhan program. Dalam situasi ini, rakyat Malaysia perlu bahu-membahu bagi mengatasi masalah yang wujud agar PLKN mencapai objektif yang disasarkan. Kepada remaja yang terpilih, selamat mengikuti PLKN. ■